

PENGAJARAN DARIPADA  
**A S - S A J D A H**



USTAZ MUSTAZAH BAHARI

## **Pengenalan**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Yang mencipta alam dengan sifat-sifat-Nya yang sempurna.

Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w yang membawa Rahmah ke seluruh alam.

Syukur kepada Allah s.w.t yang memberi nikmat peluang untuk memberi sokongan dan khidmat kepada Darul Tafsir, Masjid Alkhair bagi menjayakan projek penghasilan bahan-bahan tafsir dan tadabbur al-Quran.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada kepimpinan Masjid Alkhair yang memberi peluang dan kepercayaan kepada penulis untuk berkongsi sedikit ilmu yang dikurniakan Allah bagi menjayakan projek ini.

Usaha kerdil ini bertujuan untuk mengajak kaum muslimin dan muslimat kepada tadabbur ayat-ayat al-Quran yang diturunkan khas untuk umat Muhammad s.a.w.

Ia berpenampilan ringkas untuk mudah memahami intipati yang ingin disampaikan kepada kita. Ia ibarat jambatan untuk meneroka tafsiran lanjut yang boleh didapati dari kitab-kitab tafsir yang ulung. Para pembaca yang ingin mengetahui lebih lanjut akan perincian ayat-ayat yang dibaca, boleh merujuk kepada pelbagai kitab tafsir yang sedia ada.

## **Metodologi**

Bagi memastikan usaha ini berpandukan tafsiran yang betul, penulis telah mengambil beberapa rujukan asas dari kitab-kitab tafsir yang berwibawa seperti, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Qurtubi, Aysar al-Tafasir dan yang lain-lain.

Dari sudut terjemahan pula, penulis merujuk kepada beberapa terjemahan secara fizikal dan online. Selanjutnya penulis melakukan olahan yang sesuai untuk memberikan maksud yang lebih mudah difahami menurut konteks bahasa Melayu.

Penulis tidak menghuraikan lebih lanjut ayat-ayat yang jelas dan *straightforward*. Memadai dengan membaca terjemahan untuk memahami maksud ayat.

Usaha ini pasti tidak sempurna. Pasti ada banyak lagi panduan yang boleh dikongsi. Hanya yang diharapkan agar ia dapat menarik perhatian para pembaca untuk mengetahui lebih lanjut apakah lagi ilmu-ilmu yang terkandung dalam tafsiran ayat-ayat al-Quran yang boleh dijadikan pedoman untuk diamalkan.

Akhir kalam, segala yang baik datang dari Allah, yang lemah dan serba kekurangan datang dari insan yang kerdil lagi hina ini. Semoga apa yang diusahakan mendapat Rahmat dan Redha Allah s.w.t.

Mustazah Bahari

Rabiulawal 1445.

# Surah al-Sajdah

## **Pengenalan:**

Surah Makkiyah, mengandungi 30 ayat.

## **Surah ini mengandungi 3 poin penting:**

1. Kebenaran al-Quran yang diturunkan dari sisi Allah s.w.t.
2. Tanda-tanda kekuasaan Allah yang tidak terjangkau oleh akal manusia.
3. Balasan yang adil di sisi Allah bagi golongan yang beriman dan yang ingkar.

## **Kelebihan Surah al-Sajdah**

1. Dari Jabir r.a, bahawasanya Nabi s.a.w tidak tidur sehingga membaca surah al-Sajdah dan al-Mulk. (H.R. Imam Ahmad)
2. Dari Abi Hurairah r.a, bahawasanya Nabi s.a.w membaca pada solat subuh di hari jumaat surah al-Sajdah dan al-Insan. (H.R. Imam al-Bukhari)

## **Firman Allah:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْم (۱) تَنْزِيلُ الْكِتَابِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ (۲) أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ بَلْ هُوَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّا أَتَاهُمْ مِنْ نَذِيرٍ مِنْ قَبْلِكَ لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ (۳)

*1. Alif laam miim. 2. Turunnya Al-Quran itu tidak ada keraguan padanya, (yaitu) dari Tuhan seluruh alam. 3. Tetapi mengapa mereka (orang kafir) mengatakan, "Dia (Muhammad) telah mengada-adakannya", tidak, Al Quran itu kebenaran (yang datang) dari Tuhanmu, agar kamu memberi peringatan kepada kaum yang belum pernah didatangi orang yang memberi peringatan sebelum kamu, agar mereka mendapat petunjuk.*

## **Tadabbur Ayat**

Al-Quran adalah kitab panduan dari sisi Allah yang diturunkan kepada manusia untuk kebaikan mereka. Tidak mungkin Al-Quran itu hasil dari olahan kata-kata Nabi Muhammad atau bait-bait syair yang direka sendiri kerana Baginda tidak pandai bersyair, membaca dan menulis.

## **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Ambil masa walau sedikit untuk membaca sirah Nabi s.a.w ketika menerima wahyu bersama kaumnya di Mekah.**

### **Firman Allah:**

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمُوتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ مَا لَكُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ  
وَلِيٍّ وَلَا شَفِيعٍ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ (٤) يُدَبِّرُ الْأَمْرَ مِنَ السَّمَاءِ إِلَى الْأَرْضِ ثُمَّ يَعْرُجُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ  
أَلْفَ سَنَةٍ مِمَّا تَعُدُّونَ (٥) ذَلِكَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ (٦)

4. Allah yang menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya dalam enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arsy. Tidak ada seorang pun pelindung mahupun pemberi syafaat bagi kamu selain Dia. Maka apakah kamu tidak memperhatikan? 5. Dia mengatur segala urusan dari langit ke bumi, kemudian (urusan) itu naik kepada-Nya dalam satu hari yang kadarnya (lamanya) adalah seribu tahun menurut perhitunganmu. 6. Yang demikian itu, ialah Tuhan yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Yang Mahaperkasa lagi Maha Penyayang.

### **Tadabbur Ayat**

Kuasa Allah mencipta langit dan bumi dalam jangkamasa yang singkat dengan sendiri-Nya. Masa yang digunakan adalah menurut kiraan manusia kerana tiada masa yang diperlukan Allah untuk mencipta sekalian makhluk-Nya. Dengan kuasa dan keagungan Allah s.w.t, manusia hanya dapat bantuan atau pertolongan dalam urusan hidupnya dari Rahmat dan kasih sayang-Nya sahaja.

### **Aplikasi Ayat**

❖ **Banyakkan ucapan tasbih memuji Allah. Sedari bahawa kita amat lemah dan fakir di sisi Allah.**

### **Firman Allah:**

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقَهُ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنْسَانِ مِنْ طِينٍ (٧) ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُ مِنْ سُلَالَةٍ مِنْ مَاءٍ مَهِينٍ  
(٨) ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوحِهِ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ (٩)

7. Yang memperindah segala sesuatu yang Dia ciptakan dan yang memulai penciptaan manusia dari tanah. 8. Kemudian Dia menjadikan keturunannya dari saripati air yang hina (air mani). 9. Kemudian Dia menyempurnakannya dan meniupkan ruh (ciptaan)-Nya ke dalam (tubuh)nya dan Dia menjadikan pendengaran, penglihatan dan hati bagimu, (tetapi) sedikit sekali kamu bersyukur.

### **Tadabbur Ayat**

Maha suci Allah yang menciptakan segalanya dengan sempurna lagi teratur sesuai dengan keperluan setiap makhluk-Nya. Setiap ciptaan Allah itu indah dan sempurna pada pandangan Allah walaupun ada manusia yang menafikannya. Asal usul manusia pertama yaitu Nabi Adam diciptakan dari tanah, kemudian seluruh zuriatnya dicipta menerusi percampuran benih antara lelaki dan perempuan. Dengan itu, Allah mengingatkan manusia akan kelemahan mereka dan kedudukan mereka yang asalnya diciptakan dari bahan dan benih yang lemah lagi hina agar mereka tidak berlagak sombong dan membangga diri.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Keindahan pada sesuatu perkara adalah bersifat subjektif, maka janganlah kita menghina ciptaan Allah yang tidak menarik pada pandangan kita. Bersyukurlah dengan apa yang ada pada kita.**
- ❖ **Didik jiwa agar sentiasa bersifat tawaduk dan takut kepada kuasa Allah yang Maha Perkasa.**

### **Firman Allah:**

وَقَالُوا أَيُّدَا ضَلَّلْنَا فِي الْأَرْضِ أَئِنَّا لَفِي خَلْقٍ جَدِيدٍ بَلْ هُمْ بِلِقَاءِ رَبِّهِمْ كَافِرُونَ (١٠) قُلْ يَتَوَفَّاكُمْ مَلَكُ الْمَوْتِ الَّذِي وُكِّلَ بِكُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ (١١) وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الْمُجْرِمُونَ نَاكِسُو رُءُوسِهِمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ رَبَّنَا أَبْصَرْنَا وَسَمِعْنَا فَارْجِعْنَا نَعْمَلْ صَالِحًا إِنَّا مُوقِنُونَ (١٢)

10. Dan mereka berkata, "Apakah apabila kami telah lenyap (hancur) di dalam tanah, kami akan berada dalam ciptaan yang baru?" Bahkan mereka mengingkari pertemuan dengan Tuhannya. 11. Katakanlah, "Malaikat maut yang diwakilkan untuk (mencabut nyawa) akan mematikan kamu, kemudian kepada Tuhanmu, kamu akan dikembalikan." 12. (Alangkah ngerinya), jika sekiranya kamu melihat orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhannya, (mereka berkata), "Ya Tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar, maka kembalikanlah kami (ke dunia), nescaya kami akan mengerjakan amal saleh. Sungguh, kami (sekarang) adalah orang-orang yang telah yakin."

### **Tadabbur Ayat**

Di antara sifat orang yang ingkar adalah menafikan kebenaran hari pembalasan (kiamat). Setiap manusia pasti menemui kematian dan akan dibangkitkan semula di akhirat untuk menghitung amalan dan perbuatannya di dunia. Golongan yang ingkar pasti menyesal akan kealpaan dan keengganan mereka untuk menerima dan melakukan kebaikan. Tiada peluang untuk bertaubat atau menebus kesalahan yang dilakukan di dunia apabila sudah berpindah ke alam akhirat. Penyesalan yang tidak bermakna lagi.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Persiapkan diri dengan amalan yang mulia sebagai bekalan untuk perjalanan yang jauh dan lama di alam akhirat. Pilih jalan orang-orang saleh yang sentiasa cekal dan sabar dalam melakukan kebaikan.**
- ❖ **Jangan memandang ringan terhadap kesalahan/dosa yang dilakukan. Segera bertaubat dan minta keampunan dari Allah.**

### **Firman Allah:**

وَلَوْ شِئْنَا لَآتَيْنَا كُلَّ نَفْسٍ هُدَاهَا وَلَكِنْ حَقَّ الْقَوْلُ مِنِّي لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ (١٣)  
فَذُوقُوا بِمَا نَسِيتُمْ لِقَاءَ يَوْمِكُمْ هَذَا إِنَّا نَسِينَاكُمْ وَذُوقُوا عَذَابَ الْخُلْدِ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ (١٤)

*13. Dan jika Kami menghendaki nescaya Kami berikan kepada setiap jiwa petunjuk baginya, tetapi telah ditetapkan perkataan (ketetapan) dari-Ku, "Pasti akan Aku penuhi neraka Jahannam dengan jin dan manusia bersama-sama." 14. Maka rasakanlah olehmu (azab ini) disebabkan kamu melalaikan pertemuan dengan harimu ini (hari Kiamat). Sesungguhnya Kami telah melupakan kamu dan rasakanlah azab yang kekal, hasil dari apa yang telah kamu kerjakan.*

### **Tadabbur Ayat**

Allah berkuasa untuk memberi petunjuk dan menetapkan keimanan bagi semua manusia tetapi Dia juga berkehendak untuk menguji manusia, siapakah di antara mereka yang menurut perintah-Nya. Allah tidak pernah menzalimi hamba-hambanya. Ada manusia yang sendiri memilih untuk melupakan Allah dan menafikan hari pembalasan yang telah sekian lama diingatkan oleh para Nabi dan Rasul.

### **Aplikasi Ayat**

❖ **Ingatlah Allah nescaya Allah akan mengingati kita. Sentiasalah berbaik sangka kepada Allah kerana nikmat-Nya terlalu banyak telah kita rasai khususnya nikmat iman dan Islam.**

### **Firman Allah:**

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِآيَاتِنَا الَّذِينَ إِذَا ذُكِرُوا بِهَا حَرُّوا سُجَّدًا وَسَبَّحُوا بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ (١٥) تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ (١٦) فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُمْ مِنْ قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (١٧)

15. Orang-orang yang beriman dengan ayat-ayat Kami, hanyalah orang-orang yang apabila diperingatkan dengannya (ayat-ayat Kami), mereka menyungkur sujud dan bertasbih serta memuji Tuhannya, dan mereka tidak menyombongkan diri. 16. Mereka merenggangkan diri dari tempat tidurnya (sedikit tidurnya), seraya berdoa kepada Tuhannya dengan rasa takut dan penuh harap, dan mereka menginfakkan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. 17. Maka tidak seorang pun mengetahui apa yang disembunyikan untuk mereka iaitu (bermacam-macam nikmat di syurga) yang menyenangkan hati sebagai balasan terhadap apa yang mereka kerjakan.

### **Tadabbur Ayat**

Di samping manusia yang ingkar, terdapat pula golongan yang beriman. Mereka mudah menerima petunjuk dan kebaikan serta tidak berlaku sombong di muka bumi. Di antara sifat mereka adalah sentiasa memperbanyakkan sujud kepada Allah yang Maha Kuasa dalam keadaan takut akan azab-Nya dan menaruh harapan yang tinggi akan Rahmat-Nya. Ganjaran pahala yang dirahsiakan pasti akan mempesonakan golongan yang beriman kelak di akhirat sesuai dengan apa yang mereka kerjakan di dunia.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Latih diri untuk melakukan solat tahajjud setiap malam walaupun sekadar dua rakaat sebelum masuk waktu subuh.\***
- ❖ **Biasakan diri berinjak walaupun dengan nilai yang sedikit.**

❖ **Tahukah anda akan kelebihan solat tahajjud?**

- ✓ Sabda Nabi s.a.w, “Hendaklah kamu lakukan solat malam (tahajjud) kerana sesungguhnya ia adalah amalan kebiasaan orang-orang saleh sebelum kamu, dan ia mendekatkan diri kepada Tuhan kamu, menghapus kesalahan dan mensucikan diri dari dosa.” (H.R Muslim)
- ✓ Sabda Nabi s.a.w, “Sebaik-baik puasa selepas Ramadan adalah di bulan Muharam, dan sebaik-baik solat selepas solat fardhu adalah solat malam (tahajjud).” (H.R. Muslim)

### **Firman Allah:**

أَفَمَنْ كَانَ مُؤْمِنًا كَمَنْ كَانَ فَاسِقًا لَا يَسْتَوُونَ (١٨) أَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ جَنَّاتُ الْمَأْوَى نُزُلًا بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (١٩) وَأَمَّا الَّذِينَ فَسَقُوا فَمَأْوَاهُمُ النَّارُ كُلَّمَا أَرَادُوا أَنْ يَخْرُجُوا مِنْهَا أُعِيدُوا فِيهَا وَقِيلَ لَهُمْ ذُوقُوا عَذَابَ النَّارِ الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ (٢٠) وَلَنذِيقَنَّاهُمْ مِنَ الْعَذَابِ الْأَدْنَى دُونَ الْعَذَابِ الْأَكْبَرِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ (٢١) وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَا إِنَّا مِنَ الْمُجْرِمِينَ مُنتَقِمُونَ (٢٢)

18. Maka apakah orang yang beriman sama seperti orang yang fasik (kafir)? Mereka tidak sama. 19. Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh, maka mereka akan mendapat syurga-syurga sebagai tempat kediaman, sebagai pahala dari apa yang telah mereka kerjakan. 20. Dan adapun orang-orang yang fasik (kafir), maka tempat kediaman mereka adalah neraka. Setiap kali mereka hendak keluar darinya, mereka dikembalikan (lagi) ke dalamnya dan dikatakan kepada mereka, "Rasakanlah azab neraka yang dahulu kamu dustakan." 21. Dan pasti Kami timpakan ke atas mereka sebahagian siksa yang dekat (di dunia) sebelum azab yang lebih besar (di akhirat), agar mereka kembali (ke jalan yang benar). 22. Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang telah diperingatkan dengan ayat-ayat Tuhannya, kemudian dia berpaling darinya? Sungguh, Kami tetap akan membalas orang-orang yang melakukan kejahatan.

### **Tadabbur Ayat**

Pasti tidak sama orang yang baik dan orang yang fasik, sepertimana tidak sama bau wangi dan bau busuk. Secara semulajadi, orang yang melakukan kejahatan dan tidak pernah menyesal dan bertaubat dari perbuatannya pasti mendapat balasan yang buruk juga akhirnya. Alangkah baiknya jika mereka yang melakukan kejahatan di dunia segera insaf dan bertaubat sebelum mereka menanggung azab di akhirat. Balasan buruk yang ditetapkan di akhirat tidak akan dapat ditebus dengan cara apa sekalipun melainkan dengan Rahmat Allah sahaja.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Jangan bertanggung-tanggung untuk bertaubat kerana tiada siapa yang tahu bila waktu ajalnya tiba.**
- ❖ **Lazimi istighfar dan mohon keampunan dari Allah kerana Dia suka kepada hamba-hamba yang kembali insaf dan bertaubat kepada-Nya.**

### **Firman Allah:**

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ فَلَا تَكُنْ فِي مِرْيَةٍ مِنْ لِقَائِهِ وَجَعَلْنَاهُ هُدًى لِبَنِي إِسْرَائِيلَ (٢٣) وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ  
أُمَّةً يَهْتَدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يُوقِنُونَ (٢٤) إِنَّ رَبَّكَ هُوَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا  
كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ (٢٥)

*23. Dan sungguh, telah Kami anugerahkan kitab (Taurat) kepada Musa, maka janganlah engkau (Muhammad) ragu-ragu menerimanya (Al-Quran) dan Kami jadikan kitab (Taurat) itu petunjuk bagi Bani Israil. 24. Dan Kami jadikan di antara mereka itu pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami selama mereka sabar, dan mereka meyakini ayat-ayat kami. 25. Sungguh Tuhanmu, Dia yang memberikan keputusan di antara mereka pada hari kiamat tentang apa yang dahulu mereka perselisihkan padanya.*

### **Tadabbur Ayat**

Nabi Musa juga telah menerima Kitab petunjuk dari Allah untuk disampaikan kepada umatnya, tetapi ada di kalangan umatnya yang menolak, sama seperti umat Nabi Muhammad s.a.w juga ada yang menolak. Namun, ada juga di kalangan umat yang diutuskan kepada mereka Nabi dan Rasul menjadi golongan yang mengambil petunjuk dan bersabar di atas petunjuk itu. Di akhirat kelak, Allah yang akan memisahkan di kalangan manusia yang beriman dan mereka yang kufur. Kiamat merupakan tanda kekuasaan Allah dan keadilan-Nya untuk mengembalikan hak-hak yang dinafikan di dunia.

### **Aplikasi Ayat**

❖ **Ambil iktibar dari kisah-kisah umat terdahulu. Yang baik dijadikan tauladan, yang buruk dijadikan sempadan. Ikutilah jalan golongan yang baik dan taat kerana ia menguntungkan.**

### **Firman Allah:**

أَوَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنَ الْقُرُونِ يَمْشُونَ فِي مَسَاكِينِهِمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لآيَاتٍ أَفَلَا يَسْمَعُونَ  
(۲۶) أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا نَسُوقُ الْمَاءَ إِلَى الْأَرْضِ الْجُرُزِ فَنُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا تَأْكُلُ مِنْهُ أَنْعَامُهُمْ وَأَنْفُسُهُمْ أَفَلَا  
يُبْصِرُونَ (۲۷)

26. Dan tidakkah menjadi petunjuk bagi mereka, betapa banyak umat-umat sebelum mereka yang telah Kami binasakan, sedangkan mereka sendiri berjalan di tempat-tempat kediaman mereka itu. Sungguh, pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah), apakah mereka tidak mahu mendengar? 27. Dan tidakkah mereka memperhatikan, bahawa Kami mengarahkan turunnya air hujan ke bumi yang tandus, lalu Kami tumbuhkan (dengan air hujan itu) tanaman-tanaman sehingga binatang ternakan mereka dan mereka sendiri dapat makan darinya, maka mengapa mereka tidak memperhatikan?

### **Tadabbur Ayat**

Sejarah umat terdahulu telah membuktikan bahawa golongan yang ingkar lagi kufur telah dibinasakan dan manusia yang hidup kemudian mengetahuinya dan mengakui kebenaran peristiwa itu. Manusia yang berakal dan sedar diri tidak akan menafikan kekuasaan Allah menghidupkan tanaman dan memberi makan kepada binatang ternakan untuk keperluan dan kesejahteraan mereka juga.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Sentiasa syukuri nikmat-nikmat Allah dengan melakukan ketaatan kerana terlalu banyak nikmat yang telah kita terima dan rasai.**

### **Firman Allah:**

وَيَقُولُونَ مَتَى هَذَا الْفَتْحِ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ (٢٨) قُلْ يَوْمَ الْفَتْحِ لَا يَنْفَعُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِيمَانُهُمْ وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ (٢٩) فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَانْتَظِرْ إِنَّهُمْ مُنْتَضِرُونَ (٣٠)

28. Dan mereka bertanya, "Bilakah (hari) kemenangan itu (hari kiamat datang) jika engkau orang yang benar?" 29. Katakanlah, "Pada hari kemenangan itu, tidak berguna lagi bagi orang-orang kafir, keimanan mereka dan mereka tidak diberi penangguhan." 30. Maka janganlah engkau hiraukan mereka dan tunggulah (kesudahan nasib mereka), sesungguhnya mereka (juga) menunggu (kesudahan nasibmu).

### **Tadabbur Ayat**

Golongan manusia yang tidak bersyukur tetap berlagak sombong dengan menafikan kuasa Allah dan bahkan mencabar untuk disegerakan hari pembalasan. Usah dihiraukan sikap orang yang ingkar kerana nasib kesudahan mereka akan ditentukan nanti akhirat oleh Tuhan Yang Maha Mengetahui lagi Maha Adil. Allah tidak pernah lalai sehingga membiarkan orang zalim berleluasa dengan keangkuhan mereka. Justeru, terus tabah dalam melakukan serta mengajak kepada kebaikan.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ **Teruskan usaha mengajak kepada kebaikan dengan penuh hikmah walaupun ada yang membenci dan menentang.**

**Catitan Peribadi Dari Surah al-Sajdah:**

- Adakah bertambah kefahaman anda tentang mesej yang disampaikan dalam surah al-Sajdah?
- Jika masih ada lagi yang belum difahami, sila catit dan senaraikan perkara-perkara yang anda ingin fahami dengan lebih lanjut.
- Cari jawapannya dengan merujuk kepada ahli tafsir di kalangan asatizah yang bertauliah.

والله أعلم

# ***Terima Kasih***

HARAP ARTIKEL INI DAPAT MEMBERI  
MANFAAT KEPADA ANDA

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat,  
rezeki yang halal dan baik, serta amal yang diterima.



**TERIMA KASIH  
KERANA  
MENYUMBANG  
KEPADA PROJEK  
TAFSIR 30 JUZ INI.**

Sokongan anda amat dihargai

Follow us on:  darultafsir.ak

**DARUL TAFSIR AL-KHAIR**